



AMARAN SCAM! / AMARAN PENIPUAN!

IPAM menyedari bahawa terdapat banyak skim pelaburan palsu dan penipuan; yang tidak sah dan menggunakan nama, alamat dan logo beberapa institusi berdaftar termasuklah nama pekerja institusi tersebut. Hal ini turut membabitkan penggunaan nama Dato' Dr. Nazri Khan, selaku Pengurus Dana Bebas kami.

Sukacitanya IPAM ingin mengingatkan kepada semua pelabur agar berhati-hati dan berwaspada serta hendaklah sentiasa peka bahawa semua produk IPAM mestilah dirujuk kepada 'Marketing Representatives' (MRs) IPAM yang berdaftar (senarai MRs IPAM berdaftar boleh disemak di laman sesawang rasmi IPAM di <https://interpac-asset.com.my>).

Penipuan dalam pelaburan biasanya menawarkan peluang pelaburan yang indah khabar daripada rupa. Berikut ciri-ciri penipuan pelaburan yang anda perlu waspada:

- Anda tidak mengenali individu yang menghubungi anda;
- Anda dijanjikan pulangan lumayan tanpa sebarang risiko atau mendapat keuntungan dalam jangka masa singkat;
- Anda digesa untuk membuat keputusan segera;
- Anda diminta untuk membuat transaksi ke akaun bank asing / luar negara.

IPAM juga ingin menegaskan kepada anda tentang perkara berikut:

- Elakkan membuat panggilan susulan;
- Elakkan berkongsi atau memberi maklumat peribadi anda (contoh: nombor telefon, alamat emel, dokumen pengenalan diri, maklumat bank, dsb.) secara terus sama ada menerusi emel atau laman sesawang yang anda tidak dapat menyemak atau mengesahkan kesahihannya;
- Elakkan mengambil maklumat daripada pemanggil yang tidak dikenali. Pemanggil ini mungkin bukan individu yang anda sangkakan dan mereka boleh menyamar sebagai pekerja sebenar;
- Elakkan mengambil maklumat yang tersedia di lawan sesawang atau platform media sosial tidak dikenali. Laman sesawang atau platform media sosial ini mungkin medium penipuan atas talian yang telah menyamar dan memberi gambaran salah terhadap Pengurus Dana sebenar;
- Periksa latar belakang syarikat di mana si pemanggil itu berkhidmat (nombor telefon, emel dan alamat surat-menyurat) dan hubungi syarikat tersebut bagi memastikan pemanggil terbabit merupakan seorang daripada pekerja mereka;
- Hubungi Pengurus Dana atau pengendali laman sesawang atau platform media sosial terbabit bagi mengesahkan bahawa ia adalah platform rasmi kepunyaan Pengurus Dana / syarikat.

Kami mengalu-alukan anda untuk dapatkan nasihat dan panduan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menerusi pautan berikut:

<https://investsmartsc.my/wp-content/uploads/2020/11/IS-Starter-Kit.pdf>

<https://www.sc.com.my/investor-empowerment/lodge-a-complaint/capital-market-service-related-complaints>

<https://www.sc.com.my/regulation/enforcement/investor-alerts/sc-investor-alerts/investor-alert-list>

Sekiranya anda ada sebarang keraguan terhadap sesuatu kejadian atau individu, platform media, laman sesawang atau institusi yang mendakwa mereka mempunyai kaitan dengan IPAM atau Dato' Dr. Nazri Khan, sila hubungi kami di enquiry_ipam@interpac.com.my untuk pengesahan lanjut.

Seandainya anda telah menjadi mangsa penipuan, sila laporkan ke balai polis berhampiran untuk dapatkan bantuan susulan.

Inter-Pacific Asset Management Sdn Bhd

No. Pendaftaran Syarikat: 199001013139 (204709-U)

Iklan dan terbitan ini tidak semak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.